



اوتيم تكنولوجي مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

Cawangan Terengganu

Info

USAHAWAN

Usahawan Pemacu Ekonomi Mapan

Edisi 30

ISSN 1823-6421

BULETIN ADALAH HAK MILIK KEKAL MASMED UiTM CAWANGAN TERENGGANU



Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan: Suntikan Penyelamat Untuk Pks Industri Pelancongan

Juyati Mohd Amin¹, Ahmad Marzuki Amiruddin Othman², Filouz Hashim³, Fatimah Hashim⁴

^{1,2,3,4} Fakulti Perakaunan, UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA,
Segamat, Johor Malaysia

Emel Penulis: ahmad801@ulttm.edu.my

Dilengkapi pesona keindahan alam semulajadi seperti gua, gunung, sungai, air terjun, desa, hutan, laut serta terumbu karang, Malaysia menawarkan lanskap yang menyeronokkan sebagai pengalaman percutian pelancong. Kepelbagaian budaya dan adat resam turut menyumbang kepada kewujudan makanan dan kepelbagaian adat budaya yang unik dan menarik kunjungan pelancong dengan kerap. Kehadiran pelancong luar negara mencapai bilangan 26.10 juta pada 2019. Ini menjana pendapatan negara sebanyak RM86.10 bilion. Walaubagaimanapun, ancaman COVID-19 yang melanda seluruh dunia menyaksikan bilangan pengunjung merudum dengan begitu ketara, iaitu sebanyak 134,728 pelancong sahaja pada 2021, penurunan sebanyak 96.9%, menghasilkan pendapatan hanya sebanyak RM24 juta!

Bagi membantu sektor pelancongan yang terjejas teruk ini, kerajaan di bawah Pelan Jana Semula Ekonomi Negara (PENJANA), memperkenalkan Skim Pembiayaan Sektor Pelancongan, yang digerakkan oleh Menteri Pelancongan, Seni dan Budaya. Kemudahan ini bakal menyuntik dana serta meningkatkan keupayaan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) dan perusahaan mikro di dalam bidang pelancongan untuk bertahan dan seterusnya kembali memperolehi keuntungan. Sektor-sektor pelancongan ini terdiri dari PKS yang terlibat yang dikategorikan sebagai pelancongan teras. Ianya terdiri dari premis perniagaan pelancongan (hotel, inap desa, chalet dan rumah peranginan), agensi/operator pelancongan dan pengangkutan untuk pelancong (bas, bot dan kereta sewa). Bantuan

tersebut turut diperluaskan kepada PKS pelancongan berkaitan bukan teras, seperti pelancongan perubatan, pengendali pertukaran wang yang berurusan dengan pelancong, dan persidangan, konferens, kursus serta pameran melibatkan peserta luar negara.

Sebanyak 12 institusi kewangan terbabit dalam skim pembiayaan berkenaan, yang menawarkan dana sehingga RM300,000 kepada PKS. Kadar pembiayaan pula adalah 3.5 peratus setahun bagi tempoh pembiayaan tidak melebihi tujuh tahun. PKS serta perusahaan mikro ini perlu terlebih dahulu dilesenkan di bawah Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya dalam sektor pelancongan teras dan sektor berkaitan atau memenuhi takrifan pelancongan di bawah SME Corp Malaysia. PKS dan perusahaan mikro yang berminat mendapatkan pembiayaan ini perlulah berurusan dengan institusi kewangan berkenaan untuk memastikan kelayakan mereka bagi mendapatkan pembiayaan itu dan kelulusan permohonan tertakluk kepada penilaian institusi kewangan berkenaan.

RUJUKAN:

1. <https://www.tourism.gov.my/statistics>
2. <https://penjana.treasury.gov.my/>
3. <https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2020/07/716475/permohonan-skim-pembiayaan-sektor-pelancongan-penjana-kini-dibuka>